

## BAHAGIAN A (30 markah)

TUGASAN SOALAN : Murid dapat menghuraikan pendapat **tentang kepentingan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang.**

FORMAT ; Pendapat

### Cadangan Idea

#### Pendahuluan

- Hari Anugerah Pelajar Cemerlang merupakan hari yang ditunggu-tunggu oleh pelajar terutamanya pelajar yang cemerlang.
- Kini, Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang telah menjadi program tahunan setiap sekolah dalam negara ini.
- Pada pandangan saya, majlis ini patut diteruskan dan diperbaiki dari setahun ke setahun dan bukannya setakat hangat-hangat tahi ayam
- Pada masa yang sama, ibu bapa mestilah memberi sokongan kepada pihak sekolah untuk menjayakan majlis ini.
- Persoalannya, apakah kebaikan dengan mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang?

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel

#### Isi 1

- Antara kepentingan jika sesebuah sekolah mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang ialah majlis ini membolehkan pihak sekolah menghargai pencapaian tertinggi seseorang pelajar.
- Melalui majlis ini, pihak sekolah memberikan hadiah sebagai pengiktirafan kepada pelajar cemerlang sama ada dalam kurikulum mahupun dalam kokurikulum.
- Pelajar-pelajar yang menerima pengiktirafan daripada pihak sekolah sudah pasti berbesar hati atas kejayaan yang dicapai.
- Mereka akan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi diri kerana mereka sedar bahawa **jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**
- Mereka akan terus mempertingkatkan usaha untuk berjaya dalam pelajaran di menara gading kelak
- Intihanya, penghargaan yang diberikan oleh pihak sekolah membolehkan pelajar terus berusaha untuk kejayaan mereka mada masa hadapan.

#### Isi 2

- Selain itu, Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang ini dapat memberi motivasi kepada pelajar yang lain untuk belajar dengan tekun.
- Hadiah yang diberikan kepada pelajar cemerlang sedikit sebanyak mendorong pelajar untuk lebih rajin belajar.
- Sikap berlumba-lumba untuk belajar ini akan mendatangkan kesan positif kepada pencapaian pelajar dan sekolah.
- Hadiah yang disediakan oleh pihak sekolah sewajarnya meliputi kecemerlangan pelajar dalam mata pelajaran dan tingkatan serta peperiksaan umum seperti PT3 dan SPM.
- Oleh itu, pelajar yang tidak merima hadiah harus bepegang tegas pada prinsip hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih untuk meningkatkan prestasi diri.

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel

- Jelasnya, majlis anugerah pelajar cemerlang secara tidak langsung dapat merangsang pelajar lain turut berusaha memajukan prestasi pelajaran mereka.

### Isi 3

- Seterusnya, pengiktirafan yang diberikan kepada pelajar cemerlang dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang turut menjadi kebanggaan ibu bapa.
- Tidak dapat dinafikan bahawa setiap ibu bapa sentiasa *mengharapkan* anak-anak mereka menjadi insan yang berguna pada *waktu hadapan*.
- Oleh itu, pelbagai usaha dilakukan untuk memastikan anak-anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam pelajaran mereka.
- Mereka akan menghantar anak-anak mereka menghadiri kelas tambahan dan memastikan tingkah laku anak-anak yang positif.
- Maka, apabila pencapaian anak-anak diiktiraf, ibu bapa juga berasa bangga atas pengorbanan yang dilakukan dari segi wang dan masa.
- Konklusinya, Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang secara tidak langsung mengiktiraf pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa dan juga menjadikan mereka bangga.

### Penutup:

- Akhirulkalam, ternyatalah bahawa Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang banyak mendatangkan kebaikan.
- Majlis ini bukan sahaja dapat memotivasikan pelajar-pelajar, malah juga dapat memberikan pengiktirafan kepada usaha pelajar dan ibu bapa.
- Seperti yang dikatakan pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara.
- Oleh itu, setiap pihak sewajarnya sentiasa menyokong pihak sekolah dalam menjayakan program ini supaya dapat melahirkan modal insan yang berpotensi untuk memajukan negara.

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel

## BAHAGIAN B

(100 markah)

### Soalan 1

Anda telah dilantik sebagai pengawas sekolah. Sebagai pengawas, bincangkan peranan anda untuk membantu pihak sekolah membentuk murid yang berdisiplin.

#### **DIMENSI: DIRI/INDIVIDU**

**TUGASAN SOALAN** : peranan anda untuk membantu pihak sekolah membentuk murid yang berdisiplin.

**FORMAT** : Tidak berformat

**KEHENDAK SOALAN** :

- 1) Calon dapat menghuraikan peranan diri untuk membantu pihak sekolah membentuk murid yang berdisiplin – maksimum cemerlang
- 2) Jika calon menghuraikan pelbagai pihak – memuassakan

**CADANGAN IDEA:**

- i. Saya akan melaksanakan segala tanggungjawab yang diberikan
  - ii. Saya akan mengamalkan sikap sopan santun dan berbaik-baik dengan semua murid
  - iii. Saya akan berusaha menjadi suri teladan kepada semua murid
  - iv. Saya akan sentiasa mendapat nasihat daripada guru disiplin
  - v. Saya akan membantu guru menguruskan pelbagai program yang berkaitan dengan disiplin
- mana isi yang relevan, boleh diterima

### Soalan 2

Sokongan dan dorongan perlu diberikan oleh keluarga terhadap anak-anak yang mempunyai bakat dan potensi dalam bidang tertentu seperti akademik, sukan dan kesenian.

Huraikan pernyataan di atas

#### **DIMENSI : IBU BAPA / KELUARGA**

**TUGASAN SOALAN** : Peranan keluarga dalam memberi sokongan dan dorongan terhadap anak-

anak yang mempunyai bakat dan potensi dalam bidang tertentu seperti akademik, sukan dan kesenian.

**FORMAT** : Tidak berformat

**KEHENDAK SOALAN** :

- 1) Calon perlu menghuraikan sokongan dan dorongan yang perlu diberikan oleh keluarga – maksimum cemerlang.
- 2) Sekiranya calon menghuraikan akademik, sukan dan kesenian tanpa peranan keluarga – markah maksimum memuassakan

CADANGAN IDEA:

- i. Mendorong pengembangan bakat anak-anak dengan menjadikan diri mereka sebagai suri teladan
  - ii. Menghantar anak-anak ke pusat Latihan atau akademik sukan
  - iii. Memupuk sifat suka bersaing dalam kalangan anak
  - iv. Menyokong anak-anak untuk meyertai pelbagai pertandingan
  - v. Menyalurkan sumber kewangan untuk kelengkapan anak-anak
- mana isi yang relevan, boleh diterima

Soalan 3

Anda akan mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah 'Langkah-Langkah Mengekalkan Warisan Budaya Bangsa'. Tulis syarahan itu selengkapnya.

**DIMENSI** : MASYARAKAT / NEGARA

**TUGASAN SOALAN** : Murid dapat menulis syarahan tentang langkah-langkah mengekalkan warisan budaya bangsa

**FORMAT** : Syarahan

**KEHENDAK SOALAN** :

- 1) Calon perlu menulis karangan format syarahan tentang Langkah-langkah mengekalkan warisan budaya bangsa. – maksimum cemerlang
- 2) Sekiranya calon menulis karangan tanpa format syarahan – maksimum memuaskan

CADANGAN IDEA :

**1. Peranan ibu bapa**

- 1.1 mendidik sejak kecil
- 1.2 suri teladan
- 1.3 membawa anak-anak ke pameran/ pertunjukan/ tempat yang berkaitan dengan warisan budaya bangsa
- 1.4 menghias rumah dengan peralatan warisan budaya bangsa.

**2. Peranan pihak sekolah**

- 2.1 mengadakan pertandingan yang berkaitan dengan warisan budaya bangsa
- 2.2 mewujudkan kelab kesenian dan kebudayaan
- 2.3 mengadakan pameran warisan budaya bangsa

**3. Peranan media massa**

- 3.1 mempromosikan warisan budaya bangsa
- 3.2 menyiarkan dokumentari/ drama tentang warisan budaya bangsa

**4. Peranan pihak kerajaan**

- 4.1 membanyakkan program/ aktiviti berkaitan warisan budaya bangsa.

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel

4.2 menganjurkan pertandingan warisan budaya bangsa pada pelbagai peringkat

4.3 mengadakan pameran warisan budaya bangsa peringkat antarabangsa

#### **5. Peranan anggota masyarakat**

5.1 menyokong usaha kerajaan untuk melestarikan warisan budaya bangsa

5.2 membeli produk berkaitan warisan budaya bangsa

5.3 menganjurkan aktiviti-aktiviti kebudayaan peringkat kampung/ taman

#### **Soalan 4 :**

Pemimpin-pemimpin negara di dunia perlu bekerjasama untuk menjamin keamanan dan kedaulatan sejagat. Huraikan bentuk-bentuk kerjasama tersebut .

**DIMENSI : ANTARABANGSA**

**TUGASAN SOALAN :** Calon dapat menghuraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan dan kedaulatan di beberapa buah negara di dunia

**FORMAT : Tiada**

**KEHENDAK SOALAN :**

#### **CADANGAN IDEA:**

1. Penglibatan dalam ASEAN, NAM, OIC dan lain-lain.
2. Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara di dunia.
3. Membantah campur tangan kuasa asing ke dalam negara-negara berdaulat- mengirim nota bantahan/melalui duta/ wakil diplomat.
4. Bekerjasama dengan negara-negara lain dalam isu keselamatan – isu nuklear dan sebagainya.
5. Mengadakan perjanjian dengan negara-negara lain di dunia tentang isu sempadan, ruanG udara dan perairan negara.

#### **d) Frasa menarik**

1. Bagai aur dengan tebing
2. Bagai menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak
3. Sediakan payung sebelum hujan

#### **SOALAN 5:**

Anda telah menonton sebuah drama televisyen yang diadaptasi daripada sebuah novel. Berdasarkan drama tersebut, jelaskan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

**DIMENSI : KOMSAS**

**TUGASAN SOALAN:** Calon dapat menghuraikan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan berdasarkan drama yang

Not for sale. Free download 5

ditonton.

FORMAT : Tiada  
KEHENDAK SOALAN :

Cadangan Idea

**Nyatakan nama drama**

1. Drama berdasarkan drama yang disiarkan dalam televisyen.
2. Drama tersebut diadaptasi daripada sebuah novel

Contohnya :

- 2.1 Drama Bukan Gadis Biasa
- 2.2 Drama Suri Hati Mr. Pilot
- 2.3 Drama 1 Love You Mr. Arrogant
- 2.4 Drama 7 Hari mencintaiku
- 2.5 Nasi kerabu Untuk Cik Abe

3. Pengajaran dalam drama tersebut boleh dijadikan panduan dalam kehidupan remaja.

Contohnya:

- 3.1 kasih sayang memaparkan pengajaran kita hendaklah menyayangi ahli keluarga .
- 3.2 berbudi bahasa
- 3.3 setiakawan
- 3.4 tanggungjawab

4. Pengajaran-pengajaran yang berunsur positif dan mempunyai nilai kemasyarakatan.

5. Huraian berdasarkan drama yang ditonton dan bukannya kupasan novel.

## PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2

### Soalan 1: Rumusan

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi : 20 markah
- (b) Bahasa: 10 markah

#### (a) Isi (20 markah)

##### Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang/ kata ganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Jumlah isi										Markah
Pendahuluan											2
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup											2
Jumlah markah											20

#### (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20	9-10	-kesinambungan isi baik
	15-17	7-8	-struktur ayat/ tatabahasa baik -kosa kata luas

			-tanda baca /ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	-kesinambungan isi masih baik -struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -kosa kata masih memuaskan -tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	-pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120 patah perkataan**, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, markah tidak dipotong.

### SOALAN 1 : RUMUSAN

PENDAHULUAN		MARKAH
P1	Petikan membincangkan keperluan-keperluan/ persiapan asas menjadi usahawan berjaya di negara kita.	2
P2	Rumusan membincangkan keperluan-keperluan/persiapan-persiapan asas menjadi usahawan berjaya dan kesannya.	2
P3	Rumusan membincangkan keperluan-keperluan/ persiapan-persiapan asas menjadi usahawan berjaya.	1
P4	Rumusan membincangkan ciri-ciri/langkah-langkah/ faktor faktor asas menjadi usahawan berjaya dan kesannya.	0

ISI TERSURAT		MARKAH
S1	seseorang usahawan tersebut perlu menetapkan jangkaan yang realistik.	2
S2	Seseorang usahawan juga perlu memberikan nilai tawaran yang jelas	2
S3	para usahawan perlu menawarkan produk yang unik	2
S4	menyediakan produk atau perkhidmatan yang memberikan nilai yang terbaik	2
S5	berani meneroka pasaran yang berskala besar	2
S6	mengusaha produk yang bersifat monopoli dan sukar diperoleh	2
S7	usahawan juga perlu membentuk pelan perniagaan yang berdaya maju	2
S8	dapat menarik pelanggannya secara berkesan	2

ISI TERSIRAT		MARKAH
T1	Melahirkan usahawan yang kreatif.	2
T2	Usahawan lebih berdaya saing.	2
T3	Mengurangkan masalah pengangguran.	2
T4	Membekalkan produk yang diperlukan oleh masyarakat.	2
T5	Meningkatkan ekonomi / pendapatan negara.	2
T6	Meningkatkan produktiviti negara.	2

KESIMPULAN		MARKAH
------------	--	--------



K1	Kesimpulannya, para usahawan hendaklah sentiasa bersiap sedia untuk menjadi usahawan berjaya agar dapat memberi sumbangan kepada negara.	2
K2	Kesimpulannya, semua pihak haruslah membantu usahawan yang berjaya agar melahirkan banyak usahawan bertaraf antarabangsa.	2
K3	Kesimpulannya, para usahawan perlu berusaha agar menjadi usahawan berjaya.	1

### Soalan 2 : Pemahaman

#### Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh(50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

#### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/ salah	0

- Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

- Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2

Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

**Soalan 2(a)-Petikan Umum**

SOALAN (i)		MARKAH
Berikan maksud rangkai kata <i>berdasarkan realiti</i> berdasarkan petikan.		
1	berasaskan/berpandukan kenyataan/hakikat	2
2	Berdasarkan hakikat	1
3	Berpandukan realiti	1

[Maksimum: 2 markah]

SOALAN (ii)		MARKAH
Pengarang menyatakan beberapa hasil kaji selidik tentang personaliti usahawan terkemuka. Senaraikan hasil kaji selidik tersebut.		
1	berkebolehan untuk memberikan keyakinan	1
2	bertanggungjawab terhadap masyarakat.	1
3	sifat kepimpinan yang berkesan	1
4	kebolehan berkomunikasi yang baik	1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

SOALAN (iii)		MARKAH
Di Malaysia, keusahawanan dalam bidang pertanian kurang mendapat tempat dalam kalangan usahawan muda. Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan menarik usahawan muda untuk menceburi bidang tersebut?		
1	Kerajaan menyediakan bantuan/ kewangan/modal.	1
2	Kerajaan memberikan sokongan dari aspek material dan khidmat nasihat.	1
3	Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu menganjurkan kursus usahawan pertanian	1
4	Menyemarakkan 'Kempen Pertanian Ialah Satu Perniagaan' melalui media massa	1
5	Memperkasakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian.	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**Soalan 2(b)-Cerpen**

SOALAN		MARKAH
(i) <b>Rakyat berada dalam keadaan bahaya kerana</b>		
1	sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport	1

2	terdapat ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif	1
3	terlalu bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

SOALAN		MARKAH
(ii) <b>Usaha-usaha untuk merencanakan industri pertanian</b>		
1	Pihak kerajaan boleh menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap sektor pertanian	1
2	Phak kerajaan mewujudkan strategi pemasaran yang lebih berkesan	1
3	Memperkenalkan teknologi moden untuk menggandakan hasil pengeluaran	1
4	Pihak bank menyediakan pinjaman dengan kadar bayaran yang rendah untuk petani	1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

SOALAN (iii)		MARKAH
<b>Persoalan dalam petikan :</b>		
1	<b>Persoalan tentang kepentingan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan.</b> Rakyat terutama siswazah yang menganggur boleh menjadikan pertanian sebagai salah satu bidang pekerjaan yang boleh diceburi.	[1+1]
2	<b>Persoalan tentang sikap masyarakat yang tidak memanfaatkan tanah terbiar</b> Kerajaan memberikan sokongan dari aspek material dan khidmat nasihat.	[1+1]
<b>Persoalan dalam keseluruhan cerpen :</b>		
1	<b>Persoalan keberanian menuntut hak.</b> Sebagai contoh Hakim berani menuntut tanah milik datuknya dengan memfailkan kes di mahkamah melalui sahabatnya, Azam.	[1+1]
2	<b>Persoalan memahami selok belok bidang keusahawanan.</b> Sebagai contoh Hakim mendapat bantuan agensi kerajaan sebelum menjalankan bidang penternakan ayam yang dirancangnya.	[1+1]
3	<b>Persoalan ketaatan terhadap pemerintah.</b> Sebagai contoh Kaduk mentaati perintah raja dengan menukarkan ayam Kunani dengan ayam raja atas perintah baginda semasa bersabung ayam.	
4	<b>Persoalan penindasan golongan yang berkuasa terhadap golongan yang lemah.</b> Sebagai contoh, syarikat RAJA mengambil kesempatan dengan menentukan harga dedak dan ubat ayam ternakan sehingga menyebabkan Hakim menanggung beban hutang.	[1+1]

[Maksimum: 4 markah]

\*\* Terima mana-mana pengajaran lain yang berkaitan

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Soalan (i)	Jawapan	Markah
Maksud rangkaian kata <b>ditalak baginda</b>	Diceraikan oleh Sultan Muzaffar Syah	2

Soalan (ii)	Jawapan	Markah
Perkara yang dilakukan oleh Sultan:		
P1	Tun Kudu ditalak baginda	1
P2	Tun Kudu dihantar ke rumah Paduka	1
P3	Tun Kudu diberi belanja	1
P4	Tun Kudu disuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja	

(ISI CUKUP: 2)

(MARKAH MAKSIMUM 3)

Soalan (iii) KBAT	Jawapan	Markah
Pada pendapat saya, <b>wajar</b> Sultan menceraikan isterinya semata-mata untuk menyelesaikan masalah para pembesarnya:		
P1	Seri Nara Diraja tidak bersengketa dengan Paduka Raja lagi/berbaik semula.	1
P2	Negara dapat ditadbir dengan lancarnya	1
P3 & P4	Rakyat tidak berpecah belah	1
Pada pendapat saya, <b>tidak wajar</b> Sultan menceraikan isterinya semata-mata untuk menyelesaikan masalah para pembesarnya:		
P1	Sultan menganiyai isterinya	1
P2	Menjatuhkan imej sultan/Institusi raja	1
P3	Sultan tunduk kehendak Seri Nara Diraja	1

**Soalan 2 (d) – Syair**

Soalan (i)	Jawapan	Markah
------------	---------	--------

Maksud ungkapan membajakan kezaliman dalam rangkap 1	Menyuburkan kejahatan	1
	Melakukan kekejaman	1

Soalan (ii) Pada pendapat saya, sebab pemimpin yang berwibawa perlu dipilih untuk mentadbir sesebuah negara:	Jawapan	Markah
P1	Pemimpin tersebut bertanggungjawab untuk menentukan negara terus mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang	1
P2	Pemimpin tersebut akan memerintah dengan adilnya agar tidak mewujudkan persengkatan atau pertelingkahan dalam kalangan rakyat pelagai kaum	1
P3	Pemimpin tersebut mampu mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara terus terjamin agar kemajuan negara dapat dijanakan tanpa sebarang sekatan atau halangan	1
P4	Pemimpin tersebut bebas daripada rasuah atau salah guna kuasa untuk memastikan imej negara dipandang tinggi oleh negara asing	1
P5	Pemimpin tersebut mampu menarik kemasukan pelaburan asing untuk membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.	1

**ISI CUKUP – 2**

**MARKAH MAKSIMUM - 3**

**Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa)**

Markah penuh iaitu **30** markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) : **6** markah
- Soalan 3 (b) : **6** markah
- Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : 6 markah

Soalan 3 (e) : 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Kata yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Ayat tidak jelas, tolak ½ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) berikan 0 markah

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

- a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

i) bela - bela

**Definisi :** /béla/ 1 orang yg ikut mati bersama suaminya atau tuannya dgn cara membunuh diri dsb. 2 balasan yg dikenakan terhadap orang yg melakukan pembunuhan atau kejahatan: menuntut ~ membalas kejahatan orang. membela 1 membunuh diri utk mati bersama orang yg dikasihi, spt suami. 2 membalas kejahatan orang (spt membunuh): Mereka bermuafakat hendak ~ kematian ayah mereka. 3 mempertahankan seseorang supaya tidak dijatuhkan hukuman oleh mahkamah; melindungi: Tidak ada seorang peguam pun yg sanggup ~ pembunuh itu di mahkamah nanti. pembelaan hal atau perbuatan membela. pembela orang yg membela. (Kamus Pelajar Edisi

**Kedua)**

**Contoh ayat :**

Kucing yang saya **bela** sejak tiga tahun lalu telah mati.

Penganiayaan majikan terhadap adik angkat saya itu akan saya **bela**.

ii) rendang - rendang

**Definisi :** /réndang/ banyak daun dan cabangnya (bkn pokok); rimbun: Mereka berteduh di bawah pokok ceri yg ~ di tepi padang. merendangkan menjadikan rendang: Dlm usaha utk ~ pokok-pokok itu, mereka mencantas dahan-dahan tertentu. kerendangan keadaan rendang: ~ menyebabkan pohon-pohon itu dijadikan tempat berteduh drpd sinaran matahari. (**Kamus Pelajar Edisi Kedua**)

**Contoh ayat :**

Kakak membantu ibu memasak *rendang* daging kambing untuk dibawa ke rumah abang di Kota Kinabalu.

Anak-anak muda yang tidak bersekolah itu selalu melepak di bawah pohon *rendang* berhampiran dengan surau.

iii) perang - perang

Maksud

**Definisi :** /pérang/ warna merah kehitam-hitaman. keperangan keadaan atau sifat perang. keperang-perangan agak perang warnanya. (**Kamus Pelajar Edisi**

**Kedua**)

Contoh ayat :

Ibu menyuruh kakak memasak gula itu sehingga perang.

Negara yang dulunya hampir musnah akibat perang yang berpanjangan telah bangkit menjadi sebuah ekonomi yang sangat kompetitif dan berteknologi tinggi.

b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini kepada dua ayat tunggal.

i) Kumpulan penjenayah itu dipercayai terlibat dalam kes ragut di beberapa daerah sekitar Kota Kinabalu .

Kumpulan penjenayah itu dipercayai terlibat dalam kes pecah rumah di beberapa daerah sekitar Kota Kinabalu.

ii) Universiti Malaysia Sabah merupakan pusat pengajian tinggi.

Universiti Malaysia Sabah telah banyak melahirkan tokoh berwibawa di negeri Sabah.

iii) Kehadiran pengemis menimbulkan kesan negatif kepada negara.

Kehadiran pengemis boleh menjejaskan sektor pelancongan.

SOALAN 3(c)

KESALAHAN EJAAN KESALAHAN IMBUHAN

- (i) menungkah - menongkah  
pedalaman - pedalaman
- (ii) merialisasikan - merealisasikan  
mengila - menggila
- (iii) dailek - dialek  
membicara - berbicara

SOALAN 3(d)

KESALAHAN ISTILAH ATAU KATA

- i. propasif - proaktif  
berbagai - berbagai-bagai / pelbagai
- ii. mencegah - menangani  
Beberapa pertubuhan-pertubuhan - Beberapa pertubuhan / Pertubuhan-pertubuhan
- iii. aktiviti - motivasi  
dia - mereka

SOALAN 3(e)

- i. bagaimana acuan begitulah kuihnya  
bagaimana contoh begitulah gubahannya;  
bagaimana rupa begitulah bayangnya;  
sebab buah kenalan pohonnya
- ii. alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.  
alang-alang mandi biar basah  
alang-alang berdakwat biar hitam.
- iii. Seperti mencurah air ke daun keladi.  
Seperti mencurah garam ke laut

**Novel**

- a. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua teknik penceritaan yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]



NOVEL DI SEBALIK DINARA

TEKNIK	CONTOH
Imbas kembali	Azraai mengimbas kembali peristiwa 26 tahun lalu ketika keluarganya menerima Farisha sebagai anak angkat. Seorang lelaki India yang berambut hitam pekat dan seorang lagi mungkin berketurunan Caucasian datang ke rumah mereka pada waktu petang dengan membawa anak kecil. Anak kecil itulah Farisha. Farisha diberikan kepada keluarga Azraai sebagai anak angkat.
DIALOG	Contohnya perbualan antara Aqram dan Farisha di dalam pesawat dan di Hotel Renaissance. Perbualan antara Khairul Anwar dengan Karl ( Shida ) yang membongkar kisah silam Khairul Anwar.
SASPENS	Unsur saspens muncul ketika Shida mula menjalani sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl. Tindak balas meronta dan membanting-banting diri sangat mengjutkan semua yang ada di bilik pejabat Farisha dan bilik Dr Maxi. Aqram meminta agar sesi ditamatkan kerana bimbang kejadian lebih teruk akan berlaku. Dr Maxi menghalang. Sesi diteruskan. Kali ini kekerasan terpaksa dilakukan. Kaki dan tangan Shida diikat, Shida berguling-guling ke lantai, nafasnya kencang dan mata terbelalak. Situasi sangat berbeza dengan ketika Farisha melakukan sesi yang sama. Pembaca tertanya-tanya apa yang akan berlaku kepada Shida.
PEMERIAN	Karl ( Shida ) memerihalkan asal usul Khairul Anwar. Nama sebenarnya Muhammad Irfan. Seorang budak comot yang mengemis di tepi jalan. Dia mencuri dompet Karl. Karl membawanya pulang, memberi makanan, menggantikan pakaiannya dan menggantikan ingatannya. Lalu dia bertukar menjadi Khairul Anwar.

SILIR DAKSINA

TEKNIK	Huraian
Imbas kembali	Haiqal teringat akan peristiwa umi memberitahunya bahawa Walid ialah bapa tirinya, bukan bapa kandungnya.
DIALOG	Dialog antara Cikgu Zam dengan Tauke Lim tentang ai Ling, iaitu anak Tauke Lim yang berminat dalam tarian zapin.
SASPENS	Pembaca tertanya-tanya tentang identiti sebenar anak Cikgu Zam. Cikgu Zam terlalu merindui anaknya itu.
PEMERIAN	Pengarang memerihalkan keadaan Haiqal ketika turun dari bas di Stesen Bas Batu Pahat. Haiqal kelihatan termangu seketika. Dia meletakkan beg besar di sebuah bangku kayu panjang yang kosong di tepi stesen bas itu.
KEJUTAN	Haiqal tidak menyangka bahawa umi, walid dan adik tiri Haiqal datang pada malam persembahan tarian zapin walaupun uminya melarang Haiqal untuk menyertainya.

- b. Konflik yang diketengahkan oleh penulis dalam novel merupakan elemen penting untuk menarik pembaca menghayati sesebuah novel. Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** konflik yang dialami oleh watak utama dan cara watak itu menyelesaikan konflik tersebut.

[8 markah]

Di sebalik Dinara

konflik	penyelesaian
konflik berlaku apabila Farisha mengetahui yang dirinya hanyalah anak angkat kepada keluarga Azraai. Farisha berasa sangat sedih dan menangis semalaman	Farisha tabah menghadapi situasi tersebut. Dia meminta Azraai bercerita lebih lanjut tentang ibu bapa kandungnya
konflik yang berlaku kepada Farisha sama ada mahu menerima tawaran Dr Maxi dan Aqram atau tidak. Mereka ditawarkan projek di Soft Lab yang bernilai rm1.5 juta. Dia berasa terkejut dan curiga dengan tawaran tersebut.	Farisha menerima tawaran tersebut setelah berbincang dengan Rosman.

Silir daksina

konflik	penyelesaian
konflik berlaku apabila Haiqal menyuarakan hasratnya untuk ke Johor kepada ibunya. Ibunya membantah hasrat Haiqal kerana tiada sesiapa yang dikenali di situ dan mngugut untuk tidak memberikan wang perbelanjaan kepada Haiqal	Haiqal tetap berkeras untuk pergi ke Johor setelah mendapat kebenaran daripada walid yang berjanji untuk memasukkan wang ke dalam akaunnya.
konflik Haiqal apabila pasangan menarinya iaitu Lazim ditimpa kemalangan jalan raya sewaktu pulang dari tempat kerja. Hal ini menyebabkan Haiqal terpaksa mencari pengganti Lazim kerana Lazim tidak dapat membuat persembahan.	Haiqal mendengar nasihat Haji Salin lalu memujuk Ong Swee Hua menari bersama-samanya untuk persembahan tersebut.
Keinginan untuk merungkaikan misteri manuskrip yang diterima daripada Ong See Hwa.	Haiqal tekad membuat keputusan untuk pergi ke Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor walaupun dimarahi dan ditentang oleh uminya, Rafiqah,

Tidak mengenali latar belakang arwah ayahnya.

ia mengenali arwah ayahnya dengan bertanya kepada tauke Ong See Hwa, pak cik Bakar dan orang kampung Seri Purnama tentang kehidupan arwah ayahnya itu.



Free download at telegram channel  
for non-profit educational purposes.

Soalan Percubaan SPM  
public channel